

Publication

: Sinar Harian

Date

: 19 September 2016

Section

: Semasa

Page

: 31

Headline

: Menara A Astetica siap akhir 2016

PR Value

: 7,735.53

Menara A Astetica siap akhir 2016

HUA Yang Bhd menjangkakan pembinaan Menara A projek pembangunan Astetica Residences, disiapkan akhir tahun ini.

Projek nilai pembangunan kasar (GDV) RM368 juta itu, merangkumi dua menara dilengkapi 520 unit pangaspuri perkhidmatan, 48 unit studio serta 26 ruang runcit.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Wen Yan berkata, pihaknya masih menunggu kelulusan pihak berkuasa berkaitan sebelum lancar projek itu secara rasmi.

"Setakat ini, 20 peratus projek itu sudah disiapkan dan kami menjangkakan Astetica Residences dapat dilancarkan sebelum akhir tahun ini," katanya pada majlis memperkenalkan projek itu kepada pihak media, baru-baru ini.

Wen Yan berkata, pangaspuri perkhidmatan dalam lima reka bentuk dengan saiz ruang dalamnya antara 748-1,154 kaki persegi itu ditawarkan pada harga serendah RM546,040 seunit, manakala unit studio bersaiz antara 558-588 kaki persegi berharga serendah RM412,920 seunit.

"Negara ini masih berdepan jurang perumahan yang mana pertumbuhan isi rumah terus mengatasi penawaran. Ini lebih ketara dalam segmen rumah mampu milik, terutama di kawasan pusat bandar utama.

"Kami mengambil kesempatan di atas aliran sedemikian dengan menawarkan projek ini lingkungan (harga) berpatutan dan disasarkan kepada pembeli rumah pertama dan mereka yang mahu mencari kediaman lain," katanya.

Akses ke Astetica Residences juga mudah menerusi Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK) dan BESRAYA.

"Kami optimis projek ini mendapat sambutan baik berdasarkan kedudukan strategiknya, harga menarik serta rekod prestasi Hua Yang," katanya.

Setakat 30 Jun 2016, rekod jualan Hua Yang yang belum dicatatkan adalah RM431 juta dengan simpanan tanah belum dimajukan berkeluasan 209.22 hektar dan potensi GDV sebanyak RM4 bilion.



Projek pembangunan Astetica Residences dijangka siap akhir tahun ini.